

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN:

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kesediaan Kementerian untuk membenarkan timbus guna di beberapa kawasan pantai/laut yang teruk terhakis di Labuan di mana ia akan dapat sekali gus menyediakan kawasan baru pembangunan di samping menghindari hakisan pantai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah sedia maklum dengan muara sungai dan persisiran pantai yang kritikal di dua lokaliti yang dikenal pasti. Cadangan untuk kerja-kerja menaik taraf muara dengan struktur, kerja-kerja menaik taraf *groyne* sepanjang 15 meter di Sungai Lada dan pengorekan muara sungai serta kawalan hakisan dengan '*Rock Revetment*' sepanjang 300 meter di Pantai Tanjung Aru telah di pohon dalam RMKe-11 untuk kelulusan. Pelaksanaan projek adalah bergantung kepada kelulusan peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih